

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN G MANIVANNAN A/L
GOWINDASAMY**

TARIKH : 23 MAC 2017

RUJUKAN : 9665

SOALAN:

**Tuan G Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) secara perinci, hidangan makanan/minuman, kemudahan asas dan perkhidmatan perubatan yang disediakan kepada setiap banduan di setiap lokap seluruh Malaysia; dan
- (b) apakah status siasatan kes S. Bala Murugan, seorang tahanan yang meninggal dunia dalam tahanan polis pada 6 Februari 2017 di IPD Klang Utara. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap anggota-anggota yang terlibat dalam operasi semasa penahanan beliau, Pegawai Serbuan (RO) kes tersebut, Pegawai Penyiasat (IO) kes tersebut dan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) Klang Utara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), kos penyediaan makan dan minum untuk tahanan dalam lokap polis ketika ini adalah sekitar RM9.00 sehingga RM14.80 sehari bagi setiap orang yang ditahan bergantung kepada kedudukan lokap berkenaan. Penyediaan makan dan minum sebanyak 3 kali sehari disediakan mengikut menu yang ditetapkan meliputi minum pagi, makan tengah hari dan makan malam.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyemak semula *Standard Operating Procedure (SOP)* sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu antaranya pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan bagi mengurangkan kes kematian dalam tahanan dan mengawal penyakit berjangkit di kalangan orang tahanan. Pengurusan PDRM telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kesihatan pada 29 November 2013 untuk mencari kaedah tertentu supaya orang tahanan boleh mendapatkan rawatan secara terus semasa mereka ditahan.

Sebagai projek perintis, pegawai kesihatan akan ditempatkan di lokap-lokap berpusat di seluruh negara terlebih dahulu bagi menjalankan tugas-tugas berkaitan. Bagi tujuan tersebut, PDRM sedang dalam proses untuk memohon kelulusan Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) perjawatan berstatus kader. Selain aspek perjawatan, perkara berkaitan keperluan logistik, perundangan, jadual tugas, elaun dan keselamatan pegawai perubatan yang bertugas akan turut diperhalusi. Keputusan muktamad berkenaan pelaksanaannya bergantung kepada pertimbangan dan kelulusan oleh pihak yang berkenaan.

Bagi menjawab soalan (b) iaitu berkaitan kes kematian Balamurugan A/L M. Suppiah di Balai Polis Klang pada 7 Februari 2016, Kementerian tidak bercadang untuk mengulas lebih lanjut kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan oleh polis dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa (SIAP) bagi menentukan punca kematian. Kementerian juga tidak bercadang untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat kes berkenaan. Tindakan terhadap pegawai yang terlibat akan ditentukan setelah siasatan kes berkenaan selesai dilaksanakan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 23 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 48

Dr. Mansor Bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kementerian dan agensi yang terbabit dalam memastikan aktiviti-aktiviti bot penumpang yang karam tidak berulang dan apakah ada standard operating procedure (SOP) bagi aktiviti ini dijalankan serta pemantauan daripada pihak terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, perlesenan bot-bot kecil di bawah 15 Nett Registered Tonnage (NRT) termasuk bot penumpang dilesenkan oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) kecuali di Sabah yang juga boleh dibuat di bawah Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS). Setiap bot-bot yang dilesenkan juga wajib menjalani pemeriksaan tahunan bagi tujuan pembaharuan lesen. Aspek-aspek kebolehayaran bot yang diperiksa adalah seperti berikut:

- i. *Hull & Machinery*;
- ii. *Life Saving Appliances* (jaket keselamatan, pelampung etc.);
- iii. sama ada terdapat pengubahsuaian yang dibenarkan; dan
- iv. alat pemadam api.

Dalam konteks pengoperasian bot, sekiranya bot-bot ini beroperasi di jeti-jeti yang sah, setiap pelepasan mengkehendaki pengusaha-pengusaha bot untuk menyerahkan senarai penumpang kepada pihak berkuasa yang bertugas di jeti-jeti berkenaan. Manakala, bagi pengoperasian bot di had pelabuhan tertentu selain daripada yang dinyatakan, pengusaha bot perlu mendapatkan kebenaran khas daripada pihak berkuasa. Dari aspek penguatkuasaan pula, pelbagai agensi terlibat sama seperti JLM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Gerakan Marin bagi memeriksa keselamatan bot-bot yang beroperasi.

Pada masa yang sama, pendekatan dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran keselamatan marin di kalangan pengusaha bot dan feri serta penumpang sering diadakan oleh JLM. Kempen-kempen ini bertujuan memberi kesedaran khususnya kepada penumpang termasuk kepentingan untuk menggunakan perkhidmatan bot yang sah di jeti-jeti yang dibenarkan.